

## Setiap individu bertanggungjawab jaga alam sekitar: Pegawai Pelajaran

by Connie Sylvia Mesa. Posted on June 30, 2011, Thursday

**MIRI:** Masyarakat setempat memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing dan perlu turut serta dalam pelbagai aktiviti bagi menjaga alam sekitar. Pegawai Pelajaran Daerah Miri Rosnani Yunus berkata, ia merupakan tanggungjawab setiap individu terhadap alam sekitar khususnya dalam memastikan alam sekitar agar senantiasa bersih dan jauh daripada pencemaran.

“Menjaga alam sekitar di sekeliling kita bukan ha-nya terletak pada bahu satu pihak sahaja, tetapi memerlukan kerjasama dari pelbagai peringkat umur. “Tanggungjawab sebegini penting untuk kita memastikan setiap persekitaran bersih dan dapat dielakkan daripada tercemar,” jelasnya.

Beliau berucap demikian dalam majlis penutupan Seminar Kesedaran Kepentingan Kebersihan Perparitan 2011 anjuran Kumpulan Kerja Pelaksanaan Rangkaian Perparitan Miri Local Agenda 21 (LA 21) bertempat di Hotel Dynasty di sini, petang semalam. Menurut beliau, penganjuran seminar berkenaan bertujuan menanam dan me-ningkatkan kesedaran peserta tentang kepentingan menjaga kebersihan perparitan di dalam menjamin kesejahteraan alam sekitar.

Katanya, penyelenggaraan dan pembersihan perparitan sama ada longkang konkrit mahupun ‘earth drain’ sangat penting dan perlu dilakukan kerap kali bagi mengelakkan parit kotor dan mengundang pelbagai pencemaran. “Parit yang kotor dan tidak diselenggara dengan baik boleh menyebabkan pencemaran bau yang tidak menyenangkan serta boleh mengundang haiwan perosak atau vektor. “Selain itu, ia juga turut menyebabkan berlakunya banjir akibat pengaliran air yang tidak sempurna disebabkan parit tersumbat dengan sampah sarap,” ujar beliau.

Justeru katanya, pelbagai aktiviti berkaitan dengan alam sekitar sering diadakan untuk meningkatkan kesed-aran masyarakat setempat tentang kepentingan men-jaga alam sekitar. Antara aktiviti yang diadakan khususnya untuk para pelajar seperti seminar, bengkel, ceramah kesedaran alam sekitar, perkhemahan, gotong-royong dan lain-lain.

Turut hadir dalam seminar berkenaan petang semalam ialah Pengerusi Kumpulan Kerja Pelaksanaan Rangkaian Perparitan Miri LA21, Law Wee. Sementara itu, lebih kurang 80 pelajar dan guru pembim-bing dari 12 buah sekolah sekitar Miri telah menyertai seminar tersebut. Seminar berkenaan dikendalikan oleh empat penceramah jemputan yang membincangkan pelbagai topik yang berkaitan.

Antaranya ialah kawalan penyakit bawaan vektor akibat penyelenggaraan perparitan yang tidak sempurna oleh Pegawai Seksyen Kesihatan Majlis Bandaraya Miri (MBM), Lee Bu Chong, proses-proses perawatan air oleh pegawai LAKU, Azelina Azanjani, pembuangan sisa-sisa effluen ke dalam air oleh pegawai Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB), Burhanudin Suai dan Penyelenggaraan dan pembersihan perparitan bandar raya Miri oleh pegawai Jabatan Kejuruteraan MBM, Kismawati Raya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/06/30/>